

# Kesan serpihan Umno di Kelantan saja: PM

BN . 22 OCT 1990

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di semua negeri, kecuali Kelantan, menunjukkan masalah serpihan Umno hanya memberi kesan di Kelantan.

Katanya, walaupun, BN dari awal lagi menduga akan tewas di Kelantan tetapi tidaklah seteruk yang dialami. Sehingga jam 2.15 pagi ini, BN masih gagal memperolehi sebarang kerusi negeri atau Parlimen di negeri itu.

"Tindakan kumpulan serpihan itu hanya menguntungkan Pas di Kelantan tetapi di negeri lain, mereka tidak

dapat membantu Semangat 46, khususnya bagi kerusi Parlimen," katanya kepada pemberita di Bilik Gerakan Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, sebaik sahaja BN berjaya menubuhkan kerajaan apabila memenangi 91 kerusi Parlimen.

Menurutnya, cita-cita Angkatan Perpaduan Ummah (APU) adalah untuk membenarkan Pas menubuhkan kerajaan negeri di Kelantan sementara Semangat 46 membentuk Kerajaan Pusat yang baru.

Ketika diminta mengulas kegagalan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Lim

Chong Eu mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Padang Kota, beliau berkata, adalah sedih bagi penduduk negeri itu menolak pemimpin yang banyak membawa pembangunan di negeri itu.

"Tetapi itu adalah pilihan mereka dan kita tidak boleh berbuat apa-apa," katanya.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan berpegang teguh kepada perjanjian *gentlemen* yang dipersetujui oleh semua komponen BN pada 1986, beliau berkata, 'kita semua *gentlemen* dan akan pegang kepadanya' dan tidak mahu mengulas lebih lanjut mengenainya.